

Klang, Miri, Pekan bakal ditenggelami air

Oleh NIZAM YATIM

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Beberapa bandar di negara ini yang terletak di kawasan rendah bakal ditenggelami air - secara kekal - dalam tempoh 50 tahun akan datang sekiranya fenomena kecairan ais di Kutub Utara dan Selatan berterusan.

Pakar geologi, Profesor Dr. Ibrahim Komoo berkata, bandar-bandar yang bakal terancam ekoran fenomena itu termasuk Klang, Selangor; Miri, Sarawak dan Pekan, Pahang.

Katanya, bandar-bandar terbahit terletak hanya beberapa meter dari aras laut serta sungai dan limpahan air tidak dapat dielakkan jika berlaku peningkatan paras laut ekoran kecairan ais di kawasan kutub.

"Kawasan lain yang bakal ditenggelami air ialah dataran pantai yang kini dipenuhi pokok bakau dan tanaman padi di Perak,


Kedah dan Johor yang kebanyakannya berada antara satu dan dua meter dari aras laut," katanya di sini hari ini.

Beliau yang juga pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengulas laporan stesen televisyen CNN pada Jumaat lalu, mengenai ketulan ais bersaiz 11,000 padang bola yang terpisah daripada bongkah utama di Artik, Kutub Utara berhampiran Kanada dipercayai berpunca daripada pemanasan global.

Menurut laporan itu, imej satelit menunjukkan saiz bongkah ais di kawasan tersebut merosot secara dramatik menjadi 90 peratus lebih kecil berbanding 100 tahun lalu.

Keadaan tersebut amat membimbangkan para saintis kerana ia boleh menyebabkan kenaikan paras laut dengan ketara dan mengakibatkan kawasan rendah di tepi pantai tenggelam.

Sebelum ini, Pertubuhan Kaji Cuaca Sedunia (WMO) telah me-



DR. IBRAHIM KOMOO

ngeluarkan amaran mengenai kenaikan paras laut antara 0.09 dan 0.88 sentimeter setahun akibat fenomena tersebut.

Menurut Ibrahim, masalah pe-

manasan global dan kecairan ais tersebut dikesan semakin serius dalam tempoh 10 hingga 15 tahun terakhir ini.

Bagaimanapun, katanya, fenomena itu dijangka tidak menenggelamkan pulau-pulau utama di negara ini yang kebanyakannya berbukit-bukau dan terletak antara 10 dan 15 meter dari aras laut.

Beliau berkata, langkah pencegahan yang dibuat sekarang ialah semua negara diminta mematuhi Protokol Kyoto mengenai pemanasan sedunia berkuat kuasa Februari 2005 yang menyuarakan sektor industri mengurangkan pengeluaran enam jenis gas karbon.

Kesemua jenis gas karbon itu memerangkap haba yang dikeluarkan oleh cahaya matahari sehingga menyebabkan permukaan bumi menjadi semakin panas dan mencairkan ais di Kutub Utara dan Selatan.

Bagaimanapun, katanya, langkah tersebut tidak mampu meng-

hentikan kenaikan paras laut berikutan pelbagai masalah berbangkit termasuk keengganan Amerika Syarikat dan Australia mematuhi protokol tersebut.

"Sekiranya protokol ini diikuti sepenuhnya pun ia hanya mampu memperlahankan kesan buruk fenomena tersebut kepada tempoh lebih panjang antara 100 dan 200 tahun dan bukannya 50 tahun seperti diramal sekarang," ujarnya.

Sementara itu, mengulas cadangan Pengarah Pusat Hal Ehwal Cuaca Universiti Malaya (UM), Profesor Khairul Maini Osman Salleh semalam supaya kerajaan mewajibkan pembinaan rumah bertiang tinggi di tepi pantai bagi menghadapi kesan kenaikan paras laut, Ibrahim berkata, ia hanya praktikal untuk bangunan baru.

"Bangunan sedia ada yang dibina di atas tanah tetap berisiko ditenggelami air sekiranya tiada tindakan global bagi mencegah pemanasan sedunia," katanya.

Musim tengkujuh mungkin dua kali setahun

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Malaysia berkemungkinan menghadapi musim tengkujuh lebih daripada sekali dalam setahun pada masa akan datang, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis.

Beliau berkata, perkara itu tidak mustahil berikutan perubahan cuaca dunia yang memperlihatkan pelbagai peristiwa luar biasa berlaku.

"Saya dimaklumkan, Switzerland yang banyak salji tidak ada salji baru-baru ini dan salji tiruan

terpaksa digunakan bagi membolehkan pelancong bermain ski.

"Cuaca di Rusia pada awal Disember sepatutnya 20 darjah celsius di bawah paras beku, tetapi baru-baru ini hanya lima darjah celsius di bawah paras beku," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca kabinet kementerianya di sini, hari ini.

Sehubungan itu, Jamaludin berkata, kementerianya akan menjalankan kajian terperinci mengenai kesan perubahan cuaca dunia ke-

pada negara ini.

Ini jelas beliau, merangkumi kesannya dalam tempoh dua tiga bulan akan datang serta kesan bagi tempoh jangka panjang.

Beliau menambah, kajian yang akan dilakukan oleh pakar tempatan diketuai Profesor Fredalin Tanggang dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu penting bagi meningkatkan kesediaan kerajaan berhadapan dengan fenomena baru alam itu.

"Saya akan bantangkan kepada Kabinet minggu depan unjuran-un-

jukan cuaca bagi dua tiga minggu akan datang kesan daripada perubahan cuaca dunia ini," katanya.

Jamaludin berkata, jika kesan daripada perubahan cuaca dunia ini berlarutan, persediaan kerajaan juga perlu berubah.

"Dahulu kita buat mesyuarat banjir pada bulan Oktober dan November sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh hujung tahun. Itu pun hanya terhad kepada Pantai Timur dan Johor tidak pernah diambil kira sebab tidak ada banjir

"Jadi unjuran-unjuran ini penting untuk persediaan kerajaan di peringkat daerah dan nasional," katanya.

Jamaludin berkata, banjir besar yang melanda Johor baru-baru ini juga sebahagian daripada kesan perubahan cuaca dunia.

"Sewajarnya angin yang membawa hujan sekarang bertiup dari pantai timur tetapi kali ini disebabkan zon tekanan rendah telah turun ke bawah, maka angin datang dari arah lain iaitu selatan Filipina dan bukannya utara Asia," katanya.

Dunia diramal catat cuaca paling panas tahun ini

LONDON 4 Jan. - Dunia diramalkan menghadapi cuaca paling panas pada tahun ini disebabkan kesan fenomena El Nino di Lautan Pasifik selain faktor pengeluaran gas rumah hijau.

Pakar-pakar dari Pejabat Meteorologi Britain (UKMO) menegaskan, kemungkinan besar purata suhu permukaan pada tahun ini akan menyamai atau melebihi rekod yang dicatatkan pada 1998.

Pakar-pakar kaji cuaca sebelum ini men-

dedahkan yang Britain mencatatkan suhu purata tertinggi pada tahun lalu sejak suhu tahunan mula direkodkan pada 1914.

Suhu permukaan global dianggarkan melebihi 0.54 Celsius di atas tempoh purata 14 Celsius dengan mengatasi rekod 0.52 Celsius yang dicatatkan pada 1998.

Catatan purata suhu itu dikumpulkan oleh Pusat Hadley, UKMO dengan kerjasama Universiti East Anglia.

Ketua Penyelidikan Perubahan Cuaca bagi Pusat Hadley, Profesor Chris Folland berkata, ramalan cuaca itu berdasarkan dua faktor termasuk pengeluaran gas rumah hijau oleh aktiviti manusia.

"Ia adalah kaedah statistik yang mewakili pemanasan atmosfera kerana gas rumah hijau menyebabkan pemanasan.

"Satu faktor lagi ialah kesan daripada fenomena El Nino," kata Folland kepada

BBC News.

Fenomena El Nino ditandakan oleh ketibaan air suam luar biasa di luar pantai timur laut Amerika Selatan dan digambarkan sebagai pengaruh terbesar perubahan cuaca dari tahun ke tahun.

Potensi pemanasan tahun ini dikaitkan dengan kekuatan sederhana El Nino yang telah pun berlaku di Lautan Pasifik ketika ini.

- Agensi

Hujan lebat di Pantai Timur, Utara

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Kerajaan hari ini mengeluarkan amaran berjaga-jaga kepada penduduk Kelantan dan Terengganu berikutan ramalan hujan lebat dijangka melanda kedua-dua negeri berkenaan hujung minggu ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis berkata, semua agensi kerajaan juga diminta bersedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

"Kita minta penduduk Terengganu dan Kelantan berhati-hati untuk dua tiga hari akan datang," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat pasca Kabinet kementerianya di sini, hari ini.

Dalam pada itu Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dalam kenyataannya hari ini berkata, Monsun Timur Laut masih lagi aktif di Laut China Selatan berhampiran perairan negara ini.

"Tiupan angin dijangka bertambah kencang dengan kelajuan mencapai 65 kilometer sejam (kmsj) esok.

"Gangguan akan bertambah kuat dan dijangka meningkat kepada lekukan tropika yang bergerak ke arah Barat dan melintasi tengah semenanjung pada Sabtu dan Ahad ini," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, cuaca mendung dan kadangkala hujan yang sedang berlaku di beberapa kawasan semenanjung akan menjadi lebih menyeluruh.

"Hujan lebat dijangka berlaku di Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

"Negeri-negeri lain pula akan mengalami hujan yang sederhana," ujarnya.

Jelas kenyataan itu, keadaan ombak di Laut China Selatan dan perairan negara terutamanya di pantai timur dijangka setinggi enam meter manakala bahagian utara Selat Melaka dijangka mengalami ombak setinggi tiga hingga empat meter.

"Di Sarawak terutamanya Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibul, Mukah dan Miri dijangka mengalami hujan sehingga Sabtu.

"Manakala hujan sederhana dan berterusan dijangka berlaku di bahagian Kudat, Sandakan, Tawau, Pantai Barat, Pedalaman dan Labuan di Sabah," demikian menurut kenyataan tersebut.